



TEKS UCAPAN
YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN
PROGRAM JOM MASUK KUIM
BERSAMA JAPERUN LENDU, DAERAH ALOR GAJAH
TARIKH: 9 JANUARI 2021 (SABTU), MASA: 2.00 PETANG
DI KOMPLEKS DEWAN PERKIM MASJID TANAH, MELAKA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

**ASSALAMUALAIKUM WBT, SALAM SEJAHTERA, DAN;
SALAM MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA,
MENGGAMIT DUNIA.**

TERIMA KASIH SAUDARA SAUDARI PENGACARA MAJLIS,

**YANG BERHORMAT DATUK SERI AB RAUF BIN YUSOH,
SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA;**

**YANG BERHORMAT DATUK NOOR EFFANDI BIN AHMAD,
EXCO PENDIDIKAN, PENGAJIAN TINGGI, TEKNIKAL &
VOKASIONAL SAINS DAN INOVASI;**

**YANG BERBAHAGIA PROF. DATUK DR. HAJI MOHD TAIB BIN HAJI DORA,
NAIB CANSELOR KUIM;**

**YANG BERUSAHA PROF. MADYA TS. DR. AFIZAN BIN AZMAN,
TIMBALAN NAIB CANSELOR PENGURUSAN KORPORAT (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) KUIM;**

**YANG BERUSAHA TUAN HAJI BAHAROM BIN SAID,
TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI KUIM;**

SETERUSNYA, PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI, RAKAN-RAKAN MEDIA, YANG DIRAIKAN WARGA MASYARAKAT JAPERUN LENDU SERTA HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

MUKADIMAH

1. Apa Kabau orang-orang Lendu? Seronok rasanya dapat berjumpa masyarakat Lendu serta semua hadirin hadirat yang menyertai majlis pada petang ini.
2. Apa pun, saya harap dan mendoakan, semua yang hadir pada hari ini berada dalam keadaan sihat walafiat, dijauhi wabak Pandemik COVID-19 yang semakin berleluasa di dunia ini.

3. Justeru, sebelum saya bercakap lebih jauh, saya mahukan seluruh rakyat Melaka sentiasa peka dan tidak terleka dengan wabak COVID-19 ini. Pastikan saudar saudari amalkan segala norma baharu dan SOP seperti yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Pakailah *hand sanitizer*, sentiasa memakai pelitup muka dan jaga jarak fizikal sesama kita.

4. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat bersama di **Majlis Perasmian Penutupan Program Jom**

Masuk KUIM DUN LENDU yang dianjurkan oleh KUIM dengan kerjasama JAPERUN LENDU.

5. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada pihak KUIM dan JAPERUN LENDU kerana telah berjaya menganjurkan program yang berbentuk kemasyarakatan ini untuk masyarakat DUN LENDU yang merupakan kawasan DUN saya sendiri. **Marilah kita beri tepukan paling gemuruh**

buat semua ahli jawatankuasa yang menjayakan program ini!

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

JOM MASUK KUIM

6. Program “**Jom Masuk KUIM**” yang julung kali diadakan di kawasan DUN Lendu ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan kepada masyarakat program-program pengajian yang

ditawarkan di KUIM yang bermula dari peringkat Asasi sehingga ke peringkat Doktor Falsafah.

7. Bagi saya, pengajuran program ini sangat relevan dan bermakna untuk kita memperkasa dan memperhebat institusi pendidikan lebih-lebih lagi di bawah Kerajaan Negeri Melaka.
8. Dalam pada itu, saya yakin, aktiviti seumpama ini membolehkan Institusi Pengajian Tinggi seperti KUIM untuk mendekati dan membangunkan masyarakat dengan kepakaran yang sedia ada di KUIM.

9. Selain itu, program seumpama ini wajar dilaksanakan agar bukan sahaja masyarakat DUN Lendu lebih mengenali KUIM, malah saya mahukan seluruh lapisan masyarakat Melaka tidak kira datangnya dari DUN yang berbeza, agar sama-sama mendapat pendedahan tentang keunikan dan kemahiran institusi KUIM, agar anak-anak muda khususnya Negeri Melaka dan juga luar Melaka berpeluang untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di sini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. Pada sudut lain, saya juga ingin berterima kasih kepada semua yang sudi hadir pada majlis yang penuh bersejarah ini. Saya *dengau*, banyak program yang turut disajikan untuk semua masyarakat DUN Lendu yang hadir pada hari ini.

11. Pastinya, penganjuran program ini telah membuatkan saudara saudari teruja dan bersemangat dalam menyertai aktiviti-aktiviti tersebut.

12. Saya dimaklumkan, antara aktiviti yang diketengahkan untuk program ini ialah:

- I. Saringan kesihatan yang diwakili oleh Fakulti Kejururawatan dan Sains Kesihatan;
- II. Demonstrasi masakan viral diwakili oleh Fakulti Pengurusan Hospitaliti dan Pelancongan
- III. Dan Ceramah Pemasaran Digital, diwakili oleh Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi.

13. Saya lihat, semua program yang telah dirangka ini menggunakan tenaga pakar dari pihak KUIM sendiri.

Ini menunjukkan bahawa, pakar-pakar dalam pelbagai bidang pengajian sebenarnya dekat je dengan DUN kita, tuan-tuan. Semuanya pasti hebat-hebat belaka.

14. Adalah menjadi satu kerugian besar jika kita tidak gunakan tenaga-tenaga pakar di KUIM ini untuk mendidik anak-anak kita. ***“Pakcik tahu...ada anak-anak nak ke IPTA atau IPTS di Kuala Lumpur, apatah lagi ada juga yang minta ibu bapa hantar ke overseas, betul tak?”***

15. Tak perlulah kita hantar anak-anak untuk belajar jauh-jauh. Sebenarnya, lagi dekat, lagi ibu bapa berasa selamat. Senang nak pantau dari Lendu je. Tak perlu fikir panjang, KUIM kan ada, daftar je masuk, jangan fikir lama-lama.

Saudara dan saudari, anak-anak negeri Melaka yang saya hormati sekalian,

KELEBIHAN KUIM

16. Program pengajian yang ditawarkan di KUIM semestinya berkualiti dan berdaya saing selaras dengan permintaan pasaran pekerjaan di Malaysia. Namun begitu, apa yang lebih istimewa adalah kadar yuran pengajian yang rendah jika dibandingkan dengan IPTS-IPTS lain.

17. Tambahan pula, kemudahan-kemudahan yang disediakan bagi proses pembelajaran mahasiswa KUIM juga setanding dengan IPT-IPT lain. Lokasi

geografi KUIM yang berdekatan dengan persisiran pantai juga antara faktor yang menyumbang kepada persekitaran pembelajaran yang kondusif, jauh dari hiruk pikuk kota yang pasti dapat membantu konsentrasi dan fokus mahasiswa KUIM dalam memahami ilmu-ilmu yang dipelajari.

SKIM INSENTIF

18. Kita semua sedia maklum, terkini, negara kita sedang berusaha berperang dengan virus COVID-19 yang

tiada lagi berkesudahan. Maka, kerajaan pastinya sedang berusaha juga mencari jalan untuk melaksanakan sesi pembelajaran dalam keadaan norma baharu.

19. Esok, saya mewakili Kerajaan Negeri Melaka akan memberi bantuan awal persekolahan kepada para pelajar sekolah rendah golongan B40 yang terpilih. Kerajaan negeri menekankan bahawa kita sangat mementingkan sektor pendidikan yang akan menyumbang kepada sektor ekonomi Negeri Melaka kelak.

20. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Melaka juga turut membantu anak –anak kelahiran Melaka dengan pemberian Skim Insentif sebanyak RM **1,000.00** secara **one-off** kepada mereka yang menyambung pengajian di KUIM melalui Tabung Amanah Negeri Melaka (TAPEM).
21. Insentif ini juga merupakan salah satu daripada **40 touch point** yang dilaporkan di dalam Belanjawan 2021 Negeri Melaka demi memperhebat dan memperkukuh institusi pendidikan.

22. Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan pelaksanaan pelbagai program dan dasar pembangunan, termasuklah dalam bidang pendidikan.

23. Saya harap, dengan amaun insentif yang agak besar itu, ia mampu memberi manfaat kepada seluruh rakyat khususnya kepada para pelajar yang menjadi modal insan berkualiti Negeri Melaka pada masa hadapan.

24. Kerajaan Negeri Melaka sentiasa meletakkan kepentingan pendidikan sebagai agenda utama dalam proses pembangunan dan transformasi negeri. Ini selari dengan hasrat untuk menjadikan Negeri Melaka sebagai hub pendidikan yang tersohor di negara dan di rantau ini seperti mana kemasyhuran Empayar Kesultanan Melaka pada abad ke-15 yang terkenal dengan pusat peradaban ilmu di rantau Asia Tenggara.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

UNIMEL

25. Selain pemberian insentif kepada anak Melaka yang menyambung pelajaran di KUIM, saya juga ada menyebut berkaitan naik taraf KUIM sebagai universiti penuh pada tahun ini, semasa pembentangan Belanjawan 2021 Negeri Melaka yang lalu.

26. Sama-samalah kita berdoa agak hasrat tersebut terus tercapai, In Shaa Allah. Naik taraf KUIM ke universiti penuh adalah hasrat kerajaan negeri merealisasikan universiti pertama milik rakyat dan Kerajaan Negeri

Melaka untuk memberikan pendidikan tertiar kepada rakyat Melaka dengan kos mampu bayar.

27. Sesungguhnya, dengan penubuhan UniMel ini, diharap akan merencanakan sektor institusi pendidikan tinggi di Melaka sekali gus memberikan pendidikan bertaraf dunia kepada negeri ini, Malaysia dan pelajar dari luar negara.

Hadirin dan hadirat, saudara saudari yang dihormati sekalian,

PENUTUP

28. Saya berharap program-program seumpama ini akan diteruskan pada masa akan datang untuk KUIM mendekati masyarakat setempat. Marilah sama-sama kita berdoa agar dengan pelaksanaan semua inisiatif ini, kita dapat mengembalikan kegemilangan Negeri Melaka selaras dengan slogan “Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia”.

29. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacita dan bangga, saya merasmikan **Majlis Penutup Program Jom Masuk KUIM bersama DUN LENDU Tahun 2021.**

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ